

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PENAWARAN SERTA PENEMPATAN MURID  
TINGKATAN 1 DAN TINGKATAN 4 KATEGORI RAYUAN KE  
SEKOLAH KHUSUS (SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA) BAGI KALENDAR  
AKADEMIK SESI 2023/2024**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan penawaran serta penempatan murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 kategori **RAYUAN** ke Sekolah Khusus iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bagi Kalendar Akademik sesi 2023/2024 akan dikeluarkan pada **20 April 2023 (Khamis)**. Semakan keputusan boleh dibuat melalui pautan berikut:

- i. Tingkatan 1: <https://spskt1.moe.gov.my>
- ii. Tingkatan 4: <https://spskt4.moe.gov.my>

Bagi kategori rayuan ini, seramai 1,783 orang murid Tingkatan 1 dan 404 orang murid Tingkatan 4 telah ditawarkan ke SBP, manakala 1,886 orang murid Tingkatan 1 dan 971 orang murid Tingkatan 4 ditawarkan ke SMKA. KPM mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua murid yang berjaya ditawarkan dan selamat maju jaya.

KPM sentiasa komited untuk terus memastikan setiap murid di Malaysia mendapat hak untuk akses kepada pendidikan yang lebih berkualiti.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
19 APRIL 2023**